

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Perbilangan Menjawab Cakap Orang

Selilit pulau pereha, sepelembang Tanah Melayu, sealam Minangkabau sezaman mana tok. Sezaman besi berdencing, puntong berasap kok, datok bujang nenek gadis, kok langit belum bernama langit, langit bernama payung negeri, kok bumi belum bernama bumi, bumi bernama kerusi negeri, tok sembah pada Datok. Kemudian daripada itu sehelai akar nan putus, sebatang kayu nan rebah, sebingkah tanah nan terbalik, kok rimbanya raya lautnya lepas, bertikarkan daun lerek, berbantalkan bane durian, tok sembah pada Datok. Kemudian pada itu kok rimba dah jadi belukar, belukar dah jadi padang, kok padang dah jadi sawah dan ladang kampong dan laman, tok sembah pada Datok. Kemudian pada itu kok orang pun dah ramai, negeripun dah sentosa maka adat ditentukan syarak, dilazimkan adat dari nabi, tunasan adat dari nan tua, tok sembah pada Datok. Kemudian daripada itu kok alam beraja luak berpenghulu, suku berlem-baga, anakbuah berbuapak maka bersuku-suku pulak dua belas dua belas Muar, dua Jempol enam Terachi, enam Gunung Pasir. Adatnya satu pesaka datar sungguhpunadat satu pesaka, datar berumpok seorang satu, berhak masing-masing, berlopak bak sawah, beruang bak durian, tok sembah pada Datok.

Kemudian daripada itu dipendekkan kata, saya ialah orang semenda, orang disuruh pergi dipanggil datang oleh tempat semenda bak kata orang tua-tua nan cerdik tempat berunding, nan bodoh disuruh diarah, tok sembah pada Datok. Kemudian pada itu bak kata orang tua-tua orang semenda bapak dek tempat semenda dan tempat semenda anak dek orang semenda bagi adatnya. Kemudian pada itu maka saya ini disuruh dek tempat semenda dan buapak yang beradat menerima adat meminang anakbuah sianu kerana sebab anakbuah sianu atau menerima adat pesaka anakbuah sianu kerana sebab anakbuah sianu atau mengisikan adat pesaka anakbuah sianu kerana sebab anakbuah sianu. Oleh sebab pada ini ada dengan pengiringnya sekali dilafazkan dengan berserta pemberian budi bahasa kepada sebelah pihak perempuan.